

Platform baharu perangi penipuan dalam talian

KUALA LUMPUR: Portal Fraud Kebangsaan (NFP), suatu platform berasaskan teknologi yang bertujuan untuk mengesan, mengesahkan dan menjejaki aktiviti penipuan yang dilaporkan kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC), dilancarkan pada Selasa.



Menteri Kewangan II Amir Hamzah Azizan (gambar) berkata NFP akan dapat meningkatkan strategi negara untuk memerangi penipuan dalam talian, dengan mengubah proses NSRC yang sebelum ini dikendalikan secara manual dan mengambil masa yang lama.

"NFP ialah platform automasi terkemuka di rantau ini, menyediakan akses selamat kepada pangkalan data utama untuk menyokong pencegahan penipuan, serta memberi ahli NSRC keupayaan dinamik untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan."

"Portal ini akan menyepadukan data transaksi kewangan daripada pelbagai sumber untuk mengesan transaksi mencurigakan secara automatik dan memudahkan pengesanan oleh institusi terbabit."

"Automasi ini mempercepatkan tindakan, mengurangkan masa pengesanan penipuan, dan mengelakkan kerugian selanjutnya," katanya pada pelancaran NFP di Sasana Kijang, Selasa.

Amir Hamzah berkata, biarpun pada peringkat perintis, NFP telah mengurangkan masa untuk mengesan transaksi penipuan sebanyak 75 peratus dan meningkatkan jumlah purata bulanan yang diperuntukkan oleh institusi kewangan sebanyak 28 peratus atau RM4 juta.

Beliau berkata NFP juga disokong oleh akses kepada data berkaitan akaun keldai dari seluruh industri kewangan.

"Saya difahamkan bahawa dengan data dan analisis yang dipertingkatkan, kadar pengesanan pemegang akaun keldai meningkat sebanyak 14 peratus."

"Protokol itu juga menyelaraskan pendekatan industri dalam membantu pemegang akaun yang menjadi mangsa (sindiket penipuan), supaya mereka tidak dinafikan perkhidmatan kewangan asas," katanya.

Sementara itu, NFP sedang ditambah baik bagi membolehkan kecerdasan buatan (AI) dapat digunakan bagi mengenal pasti transaksi mencurigakan melalui analisis ramalan.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Seri Abdul Rasheed Ghaffour berkata antara ciri utama NFP adalah reka bentuk modular yang membolehkan penambahbaikan berterusan dilaksanakan pada masa hadapan terhadap infrastruktur asas yang sedia ada.

Menurutnya, walaupun data menunjukkan jumlah kerugian yang ditanggung oleh mangsa penipuan kewangan secara keseluruhannya agak kecil berbanding jumlah transaksi kewangan domestik, Malaysia perlu lebih peka mengenal pasti dan mengatasi ancaman ini.

Abdul Rasheed berkata langkah ini bagi memastikan keyakinan terhadap sistem kewangan negara sentiasa terpelihara memandangkan penjenayah siber akan terus mengeksploitasi teknologi untuk mengembangkan taktik mereka.

"Perjalanan kita untuk memerangi penipuan masih panjang dan berliku. Dalam kita mengorak langkah ke hadapan, saya ingin menegaskan mengenai tiga tema utama ke arah usaha kita untuk memerangi penipuan kewangan," katanya dalam ucapan semasa pelancaran NFP di sini, Selasa.

Menurutnya, pertama, negara harus mengoptimalkan penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan keupayaan memandangkan taktik penipuan kewangan akan terus berkembang.

"Sehubungan itu, keupayaan dan kaedah kita untuk membanterasnya perlu terus dipertingkatkan," katanya.

Abdul Rasheed berkata, kedua, tindakan bersepadu perlu terus diterapkan dalam usaha yang dilaksanakan memandangkan membanteras penipuan kewangan memerlukan pendekatan seluruh negara serta kerjasama erat antara sektor awam dan swasta.

"Dalam hal ini, saya ingin berkongsi maklum balas positif yang diterima untuk NFP, dengan 16 institusi kewangan telah menyertai portal ini dan banyak lagi institusi akan menyusul dalam masa terdekat," katanya.

Sehubungan itu, Abdul Rasheed berkata BNM dan industri kewangan mengalu-alukan penglibatan baharu dan meluaskan penglibatan sedia ada daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan dalam ekosistem digital yang lebih umum untuk mengukuhkan lagi tindak balas bersepadu.

Menurutnya, ketiga, usaha gigih perlu diteruskan untuk memperkasa penggunaan supaya lebih berwaspada bagi membanteras penipuan kewangan.

"Orang ramai merupakan benteng pertahanan pertama bagi mencegah penipuan kewangan. Sama penting di sini adalah usaha industri kewangan untuk menangani akaun keldai dan mendidik orang ramai agar tidak terjebak menjadi mangsa akaun keldai," katanya.

Katanya bagi menyokong usaha ini, baru-baru ini protokol pengendalian akaun keldai peringkat industri telah dikeluarkan untuk mempertingkatkan keupayaan industri bagi mengesan akaun keldai.

"Di samping itu, penambahbaikan NFP sedang dirancang bagi membolehkan pengguna melaporkan transaksi mencurigakan secara terus daripada akaun perbankan dalam talian atau akaun perbankan mudah alih mereka," katanya.

Pelancaran NFP meningkatkan kemampuan Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) yang ditubuhkan pada 2022, dengan mengautomatiskan keupayaan pusat berkenaan untuk mengesan dana yang dicuri merentas pelbagai institusi kewangan (FI) dan sistem pembayaran. - Bernama

21/8/2024